

## Harga bawang India naik kerana berlaku sekatan dari negara terbabit - Chong

2020-01-18T11:51:13+08:00

oleh Rusnan Mustafa



**KUCHING:** Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Chong Chieng Jen mengakui berlaku kenaikan harga bawang merah India di seluruh Malaysia.

Beliau menjelaskan, kenaikan tersebut disebabkan dasar kerajaan India yang ketika ini menyekat eksport bawang merah dari negara itu.

"India telah menyekat aktiviti eksport bagi bawang mereka dan ini menyebabkan harga bawang dari negara terbabit telah meningkat di negara ini sejak beberapa bulan lepas.

"Sekatan ekport itu kerana berlaku kekurangan bekalan bawang merah di pasaran domestik negara terbabit sehingga kerajaan India menyekat aktiviti eksport bawang mereka bagi memenuhi keperluan di negara mereka sendiri," katanya ketika diminta mengulas berhubung perkara itu ketika lawatan Menteri Kewangan Lim Guan Eng sempena promosi pelancaran Inisiatif Program e-Tunai Rakyat di pusat beli belah The Spring di sini, malam Jumaat.

Bagaimanapun, Chong menjelaskan, bekalan bawang dari China, Pakistan dan negara lain masih stabil tetapi harganya ada meningkat sedikit.

"Saya akan memberikan butiran terperinci perkara ini dalam kenyataan media," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, beliau yang juga Pengurus Pakatan Harapan (PH) Sarawak menjelaskan, peningkatan harga bawang dari negara lain adalah kesan dari kenaikan harga bawang merah dari India berikutan bawang adalah barang boleh diganti.

Manakala India tidak boleh dipaksa mengeksport kembali bawang merah mereka semata-mata bagi mengawal harga bawang di negara ini.

Sementara itu, mengenai penguatkuasaan terhadap peniaga yang menaikkan harga bawang di negara ini, Chong berkata perkara itu bergantung dari mana peniaga memperolehi bekalan bawang terbabit.

"Pengguna juga masih mempunyai pilihan lain kerana bawang adalah barang yang boleh digantikan," ujarnya.

